



Selamat Datang  
Ke Laman Portal  
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

CARI

Jumaat, Oktober 28, 2016

MENGENAI KAMI | PENYELIDIKAN | AKADEMIK | JARINGAN | ANTARABANGSA | KEHIDUPAN KAMPUS | PERKHIDMATAN

| A- | A | A+ | EN | RU | AR

## BERITA »

### Kerja di restoran makanan segera untuk wang biaya pengajian

Oleh Azman Zakaria  
Foto Mohd Hasrul Hamdan



**SERDANG, 24 Okt** - Berdepan masalah kewangan kerana tidak mendapat biasiswa dan pinjaman, tidak melemahkan semangat Nur Anis Kamaruddin dalam menuntut ilmu, sebaliknya beliau mengerah keringat bekerja sambil sehingga menjelang hari di sebuah restoran makanan segera, untuk menampung kos pengajiannya.

Kepayahan dan penat gerih yang dilaluinya dengan sabar sejak dari tahun pertama pengajian pada 2012 membuahkan hasil apabila beliau menerima ijazah Bachelor Sains Pembangunan Manusia, pada Majlis Konvokesyen ke-40 Universiti Putra Malaysia (UPM) hari ini.

Nur Anis, 24, dari Pasir Mas, Kelantan berkata, keluarganya pada awalnya tidak mengetahui beliau bekerja dan pelik bagaimana beliau boleh membayar kos pengajian sedangkan tidak mendapat biasiswa dan pinjaman.

"Apabila mereka mendapat tahu, mereka terkejut tapi tidak menghalang saya bekerja," katanya yang bekerja sambil di sebuah restoran makanan segera di Sri Serdang di sini.

Katanya, beliau bekerja hampir setiap hari dari pukul 6 petang hingga 1 pagi ketika tiada kuliah dan memperoleh pendapatan antara RM200 hingga RM300 sebulan.

Menurutnya, keluarganya juga ada memberi wang kepadanya.

"Saya perlu betul-betul membahagikan masa dan mengatur jadual. Saya tidur empat jam atau kurang daripada empat jam sehari," kata anak ketiga daripada lapan beradik itu.

"Saya juga perlu melakukan sedikit pengorbanan... jarang dapat bersama rakan-rakan, tetapi mereka memahami saya," katanya yang ketika bersekolah pernah mewakili Kelantan dalam acara gimnastik tetapi akibat kecederaan kini hanya menyertai olahraga larian jarak jauh. - UPM

RSS | Dasar Privasi | Dasar Keselamatan | Penafian | Notis Hakcipta | Peta Laman | Bantuan | Jumlah Pelawat :  
Paparan terbaik menggunakan Internet Explorer, Safari, Firefox, Google Chrome dengan resolusi 800 x 600 dan 1024 x 768 (S1)

@2013 Universiti Putra Malaysia  
Kemaskini Terakhir : 28 Oct 2016

